

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**  
**[KUALA KRAI]**

**SOALAN NO. 11**

**Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kutipan SST sepanjang 6 bulan ia dilaksanakan; dan
- (b) berapakah perbezaan kutipan SST berbanding dengan GST dalam tempoh 6 bulan dan adakah kerana kekurangan kutipan SST menyebabkan Kerajaan mengurangkan peruntukan kepada rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dikutip oleh Kerajaan untuk tempoh dari 1 September 2018 sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak **RM5.43 bilion**. Daripada jumlah tersebut, kutipan bagi cukai jualan adalah sebanyak **RM3.96 bilion**, manakala cukai perkhidmatan sebanyak **RM1.47 bilion**. Bagi tempoh 1 September 2017 sehingga 31 Disember 2017 pula, jumlah kutipan bersih GST adalah sebanyak **RM17.75 bilion**. Namun demikian, amaun kutipan bersih GST bagi tempoh tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah *input tax credit* yang dibayar dalam tempoh tersebut dan belum mengambil kira tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion sehingga 31 Mei 2018 yang telah dilaporkan sebelum ini.

Pemberian Kerajaan yang merangkumi Subsidi, Insentif dan Bantuan adalah berdasarkan kepada keprihatinan Kerajaan untuk membantu meringankan kesulitan kewangan dan beban rakyat dengan menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh penerima-penerima faedah yang telah dikenal pasti. Pengurangan pemberian bukan disebabkan oleh kekurangan kutipan GST tetapi lebih kepada rasionalisasi semula pemberian Kerajaan dalam memastikan pemberian subsidi/insentif/bantuan dibuat secara bersasar. Pemberian dan pengagihan subsidi secara bersasar merupakan antara matlamat Kerajaan untuk membantu golongan yang benar-benar memerlukan serta mengurangkan ketirisan yang berlaku.

Kekurangan kutipan GST tidak memberi impak secara langsung kepada pengurangan peruntukan kepada rakyat. Kerajaan membuat penyesuaian semula belanjawan dengan melihat semula pelbagai aspek lain berdasarkan keutamaan dan tidak hanya melihat kepada pengurangan pemberian kepada rakyat semata-mata.